

Tawar harga rendah tarikan pelanggan

Oleh Basir Zahrom

BERANGKAP

Bermula dengan dua mesin fotokopi pada awal operasinya, kini pengusahanya Kafe Fotostat Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berbangga apabila mampu mengimbangkan perniagaannya sehingga meraih keuntungan ribuan ringgit.

Pemiliknya yang juga pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Ee Von, berkata selepas beroperasi sejak Jun tahun lalu, kafe itu sering menjadi tumpuan warga UKM kerana menawarkan perkhidmatan memotong dan fotokopi pada harga yang lebih rendah berbanding kedai lain di sekitar Bang dan Kajang.

Dengan penyediaan empat mesin fotokopi beliau berkata, kafenyi

bukan sekadar menjadi lokasi pilihan pelajar FEP untuk mendapatkan perkhidmatan fotokopi, malah penghuni kolej kediaman warga fakulti serta mahasiswa yang sanggup makan tengah hari di kedai makan berdekatan.

"Selain, fotokopi dan cetakan, saya dan rakan kongsi, Muhammad Najmuddin Karim turut menyediakan perkhidmatan menjilid, tambah nilai untuk prabayar telefon bimbit, menjual alat tulis, cetakan baju, makanan ringan, air, kek dan dadih sedut.

Pakej harga berpatutan

"Memerikanya, kami menyediakan pakej harga berpatutan, iaitu jika pelanggan mahu mencetak lebih daripada 40 helai, kami akan mengemakan caj sebanyak sembilan sen sahaja,

manakala lapan sen bagi lebih 100 helai, lebih 300

helai (tujuh sen) dan lebih 500 helai (lima sen)," katanya.

Selain itu, kafenyi turut menyediakan cetakan atas talian 24 jam menggunakan sistem kad tambah nilai secara manual. Menerusi perkhidmatan itu, pelanggan hanya perlu

e-mel dokumen yang ingin dicetak dan mengambalnya seawal jam 8 pagi keesokannya dan caj akan dikurangkan dengan menolahkan nilai kad yang ada pada mereka.

Mengulas lanjut, Ee Von berkata, kesibukannya dan rakan kongsiya mengikuti pengajian dan aktiviti lain membuatkan mereka perlu mengambil pekerja terdiri daripada mahasiswa UKM secara separuh masa dan

seorang kakitangan sepenuh masa.

Beroperasi 7 hari seminggu

"Kami beroperasi tujuh hari seminggu, iaitu pada Isnin hingga Jumat dari jam 8 pagi hingga 8 petang, manakala Sabtu dan Ahad pula dari jam 9 pagi hingga 3 petang.

"Waktu puncak adalah sekitar jam 10 pagi hingga 2 petang kerana ketika itu mahasiswa akan menggunakan masa sebelum memasuki kuliah untuk urusan fotokopi dan cetakan," katanya.

Ditanya mengenai modal memulakan perniagaan itu, anak kelahiran Terengganu, Perak itu berkata, beliau dan Muhammad Najmuddin mengumpul duit sejak persahabatan cetakan kemaja-2 dan kemudian melaburkannya untuk membeli dua mesin fotokopi terpakai.

"SELAIN, FOTOKOPI DAN CETAKAN, SAYA DAN RAKAN KONGSI, MUHAMMAD NAJMUDDIN KARIM TURUT MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN MENJILID, TAMBAH NILAI UNTUK PRABAYAR TELEFON BIMBIT, MENJUAL ALAT TULIS, CETAKAN BAJU, MAKANAN RINGAN, AIR, KEK DAN DADIH SEDUT"

Kee Ee Von,
Pemilik Kafe Fotostat Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), UKM



Ee Von memaparkan Kafe FEP yang diusahakannya.



Ee Von membuat fotokopi sendiri untuk pelanggan pada waktu puncak.